## Fadzil bin Sulaiman lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42JSKH(A)-1–11 TAHUN 2018, BA-42JSKH(A)-8–11 TAHUN 2018, BL-61JSK-2–05 TAHUN 2018, BL-61JSK-9–05 TAHUN 2018, BA-42JSKH(A)-9–12 TAHUN 2018 DAN BA-42JSKH(A)-16–12 TAHUN 2018

ZULKIFLI BAKAR H

22 SEPTEMBER 2020

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Perayu dituduh melakukan kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersekali dengan s 16 — Perayu disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman — Sama ada hukuman yang dijatuhkan hakim bicara memadai dan berpatutan — Sama ada keputusan hukuman boleh berjalan secara serentak — Sama ada perayu boleh dikenakan hukuman sebatan — Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ss 14(a) & 16 — Kanun Keseksaan, s 354*

Perayu ialah tertuduh merupakan seorang guru telah dituduh dengan sembilan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Klang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah tempat perayu mengajar. Perayu dituduh di bawah tiga petuduhan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak ('Akta tersebut') dan enam pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut'). Perayu telah mengaku bersalah atas kesemua pertuduhan dan telah dijatuhkan hukuman. Bagi pertuduhan pertama dan kedua di bawah Akta tersebut, perayu dikenakan hukuman penjara lapan tahun dan dua sebatan. Bagi pertuduhan ketiga di bawah Akta tersebut, perayu dikenakan hukuman penjara enam tahun dan satu sebatan. Bagi setiap pertuduhan di bawah s 354 Kanun tersebut, perayu telah dikenakan hukuman penjara lima tahun serta satu sebatan. Mahkamah sesyen telah memutuskan hukuman penjara terhadap perayu berjalan serentak iaitu selama sepuluh tahun. Perayu yang terkilan dengan hukuman tersebut telah memfailkan rayuan semasa dan responden memfailkan rayuan silang terhadap semua hukuman yang telah dijatuhkan agar hukuman tersebut ditambah berat.

**Held**, membenarkan sebahagian rayuan perayu:

(1) Hukuman yang diberikan adalah mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, melihat kepada jumlah keseluruhan tempoh pemenjaraan yang dikenakan, ianya hanya membawa kepada tempoh keseluruhan sepuluh tahun sahaja walaupun jelas terdapat sembilan jenis kesalahan yang telah dilakukan dalam

sembilan transaksi berbeza ke atas mangsa-mangsa yang berlainan. Tempoh pemenjaraan bagi setiap kesalahan tersebut dilihat seperti besar, namun secara kolektifnya seperti melakukan satu kesalahan sahaja iaitu di bawah Akta tersebut. Adalah tidak wajar hukuman penjara bagi kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan berjalan serentak (lihat perenggan 15–16 & 18).

(2) Mahkamah mendapati bahawa enam hukuman ke atas perayu di bawah s 354 Kanun Keseksaan turut diikuti dengan satu sebatan. Hakim mahkamah sesyen telah mengabaikan peruntukan di bawah s 289(C) Kanun Tatacara Jenayah. Ini adalah satu kekhilafan di dalam keputusan hakim mahkamah sesyen yang mesti dibetulkan. Peruntukan ini adalah jelas menghalang daripada hukuman sebat dikenakan ke atas perayu yang pada ketika kesalahan pertama dilakukan telah berumur 53 tahun (lihat perenggan 19–20).

(3) Mahkamah mendapati hakim mahkamah sesyen telah mengabaikan peruntukan s 27 Akta tersebut yang mewajibkan perintah pengawasan polis terhadap pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah Akta yang sama (lihat perenggan 22).

(4) Mahkamah berpendapat bahawa faktor kepentingan perayu hendaklah diimbangi dengan kepentingan awam. Hukuman ke atas perayu haruslah bersifat *punitive* mengambil kira latar belakang perayu sebagai seoang guru. Perayu telah bertindak mencemarkan kemuliaan profesion guru dan kepercayaan yang diberikan kepada perayu dengan kelakuan jenayah seksual ke atas anak murid sendiri. Hukuman berbentuk *punitive* wajar dikenakan ke atas perayu. Hukuman yang dijatuhkan wajar bersifat deterrent, bukan sahaja kepada perayu daripada terus mengambil kesempatan ke atas anak muridnya, tetapi kepada seluruh masyarakat khususnya potential offender bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur terhadap perlakuan jenayah seksual terhadap kanak-kanak oleh sesiapa pun. Mengambil kira prinsip rehabilative ke atas perayu, mahkamah juga mengguna pakai peruntukan s 26 Akta dengan memerintahkan supaya perayu menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjaraan yang dijalani olehnya (lihat perenggan 24–27).

**[English summary**

The appellant, the accused who was a teacher charged with nine charges in the Klang Sessions Court which involved students at the place the accused taught. The accused was charged with three charges under s 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act (the said Act) and six charges under s 354 of the Penal Code ('the Code'). The appellant had pleaded guilty to all the charges and was sentenced. For the first and second charge under the said Act, the appellant was sentenced to eight years imprisonment and two strokes. For the third

charge under the said Act, the appellant was sentenced to imprisonment of six years and one stroke. For each offence under s 354 of the Code, the appellant was sentenced to five years imprisonment as well as one stroke. The sessions court had decided that the sentence of imprisonment was to run concurrently being for ten years. The appellant who was aggrieved with the sentence had filed the current appeal and the respondent had filed a cross appeal against all the sentences which was sentenced in order to impose a more severe sentence.

**Held**, allowing a portion of the appellant's appeal:

(1) The sentence given were based on existing legal provisions. However, looking at the entirety of the prison sentence, it only lead to a ten year prison sentence eventhough it was clear that it was nine offences which was commited in nine different transactions on different victims. The period of imprisonment for each offence should be looked at wholistically, however collectively it appears as if only one sentence was committed which was under the said Act. It was inappropriate that the prison sentence for the offences charged ran concurrently (see paras 15–16 & 18.)

(2) This court found that the six sentences against the appellant under s 354 of the Penal Code was also followed by one stroke. The sessions court judge had disregarded the provision of s 289(c) of the Criminal Procedure Code. This was an error in the decision of the sessions court judge and must be rectified. This provision clearly prohibits from a canning sentence to be meted out to an offence who at the time of the first offence was committed was 53 years old (see paras 19–20).

(3) The court found that the sessions court judge had disregarded the provision of s 27 of the said Act which made it mandatory for an order of police supervision against the offender which was convicted under the same Act (see para 22).

(4) The court took the view that the factor of the interest of the appellant had to be balanced against public interest. The sentence against the appellant had to be punitive in nature, taking into account the backgroupd of the appellant as a teacher. The appellant's act had disgraced the teaching profession and the trust that was given to the appellant by committing sexual offences towards his own pupils. The sentence that ought to be meted out had to be deterrent in nature, not only to the appellant from continuing to take advantange against his students but also to the whole of the community especially potential offenders that the court would not compromise with acts of sexual offences committed by anyone. Taking into account the rehabilitative principles towards the appellant, the court also relied on the provision of s 26 of the Act by ordering that the appellant undergo rehabilitative counselling throughout the period of imprisonment which he will undergo (see paras 24–27).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Gek Sing a/l Kaliappan v PP* [1999] 6 MLJ 641; [1999] 4 CLJ 292, MT (dirujuk)

*PP v Karthiselvam a/l Vengatan* [2009] MLJU 329; [2009] 4 CLJ 632, MR (dirujuk)

*PP v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200; [1985] 1 LNS 25, MA (dirujuk)

*PP v Muhammad Fauzi Abdul Razak & satu lagi* [2012] 5 CLJ 284, MR (diikut)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 ss 14(a), 16, 16(1), 25, 26, 27

Kanun Keseksaan s 354

Kanun Tatacara Jenayah ss 289(C), 316

*Siti Rohaida Che Hamid (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.*

*Shah Rizal bin Abdul Rahman (Nik Muammer Hurrie bin Mohamad Sukri bersamanya) (Shah & Hurrie) bagi pihak tertuduh.*

**Zulkifli Bakar H:**

LATAR BELAKANG

**[1]** Perayu iaitu tertuduh merupakan seorang guru telah dituduh dengan sembilan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Klang melibatkan kesalahan jenayah seksual terhadap enam orang yang merupakan pelajar-pelajar di sekolah tempat perayu mengajar.

**[2]** Pertuduhan seperti di halaman 33–65 rekod rayuan Jld 1 yang telah dibacakan kepada perayu di Mahkamah Sesyen Klang seperti berikut:

BL-61JSK-2-05/2018

(1) Pindaan Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pad a 4.8.2017 di dalam kawasan Sekolah Rendah Dato Maharajaleta, dalam daerah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor sebagai seorang guru yang mengajar dalam sekolah tersebut telah mengambil tangan anak murid kamu iaitu Muhammad Arief bin Rasyidi (No. K/P: 050430-10-0913) yang berusia 12 tahun dan meletakkan tangan beliau di kemaluan kamu. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di baca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama.

(2) Pindaan Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 4.8.2017 di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajaleta, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah memegang dan menggancangkan kemaluan anak murid kamu iaitu Muhammad Arief bin Rasyidi (No. K/P: 050430-10-0913) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang baleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di baca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama.

BL-61JSK-3-05/2018

(3) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu di antara 20.1.2017 hingga 21.1.2017 ketika menghadiri Kern Kepimpinan Pengawas di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajaleta, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul keharmatan dengan memegang kemaluan anak murid kamu iaitu Muhammad Amirul Hafeez bin Abdul Rani (No. K/P: 050514-10-0443) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

BL-61JSK-4-05/2018

(4) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu di antara 3.3.2017 hingga 5.3.2017 ketika menghadiri Kem Perkhemahan Unit Beruniform di dalam kawasan Sekolah Rendah Data Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor sebagai seorang guru yang mengajar dalam sekolah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul kehormatan dengan memeluk murid kamu iaitu Muhammad Hazrul Haziq bun Huzamri (No. K/P: 050822-10-0023) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

BL-61JSK-5-05/2018

(5) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu pada hujung bulan Julai 2017 di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah memegang kemaluan murid kamu iaitu Muhammad Hazrul Haziq bun Huzamri (No. K/P: 050822-10-0023) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang baleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di baca bersama Seksyen 16(1) Akta yang sama.

BL-61JSK-6-05/2018

(6) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu pada bulan September 2017 di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul kehormatan dengan memegang kemaluan anak murid

kamu iaitu Muhammad lkmal bin Zulkifli (No. K/P: 050203-10-0219) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

BL-61JSK-7–05/2018

(7) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu pada bulan Mac 2017 di dalam kawasan Sekolah Rendah Dato Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangor, dalam Negeri Selangor sebagai seorang guru yang mengajar dalam sekolah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul kehormatan dengan memegang kemaluan anak murid kamu iaitu Muhammad Aqil Fadli bin Azizon (No. K/P: 050915-10-1009) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

BL-61JSK-8-05/2018

(8) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu pada pertengahan bulan Mei 2017 di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul keharmatan dengan memegang kemaluan anak murid kamu iaitu Mohamad Fahmi bin Mohamad Zamawi (No. K/P: 050721-10-1967) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang baleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

BL-61JSK-9-05/2018

(9) Pindaan Pertuduhan:

Bahawa kamu pada akhir bulan Mei 2017 di dalam kawasan Sekalah Rendah Data Maharajalela, dalam daerah Kuala Selangar, dalam Negeri Selangar sebagai searang guru yang mengajar dalam sekalah tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud mencabul kehormatan dengan memegang kemaluan anak murid kamu iaitu Mohamad Fahmi bin Mohamad Zamawi (No. K/P: 050721-10-1967) yang berusia 12 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

**[3]** Perayu telah mengaku bersalah bagi semua pertuduhan dan hakim mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman seperti berikut:

(a) BL-61JSK-2–05 Tahun 2018

P1 — penjara lapan tahun dari tarikh jatuh hukum dan dua sebatan bagi pertuduhan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan tambahan dua tahun penjara serta dua sebatan di bawah s 16(1) Akta yang sama.

P2 — penjara lapan tahun dari tarikh jatuh hukum dan dua sebatan bagi pertuduhan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan tambahan dua tahun penjara serta dua sebatan di

bawah s 16(1) Akta yang sama Akta yang sama.
Kedua-dua hukuman untuk dijalankan serentak;

(b) BL-61JSK-3–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan;

(c) BL-61JSK-4–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan;

(d) BL-61JSK-5–05 Tahun 2018
Penjara enam tahun dari tarikh jatuh hukum dan satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan tambahan dua tahun penjara serta dua sebatan di bawah s 16(1) Akta yang sama;

(e) BL-61JSK-6–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan;

(f) BL-61JSK-7–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan;

(g) BL-61JSK-8–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan; dan

(h) BL-61JSK-9–05 Tahun 2018
Penjara lima tahun bermula tarikh jatuh hukum serta satu sebatan bagi pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan.

**[4]** Perayu iaitu tertuduh yang terkilan dengan hukuman tersebut telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Pihak pendakwaan sebagai responden juga turut memfailkan rayuan silang ke mahkamah ini terhadap semua hukuman yang telah dijatuhkan terhadap perayu agar hukuman tersebut ditambah berat. Bagi memudahkan rujukan dalam kes rayuan silang ini, tertuduh akan dirujuk sebagai perayu dan pendakwa raya akan dirujuk sebagai responden.

**[5]** Mahkamah ini telah memerintahkan agar kesemua rayuan didengar bersekali dan setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar hujahan kedua-dua pihak mahkamah ini memerintahkan supaya rayuan kedua-dua pihak perayu dan responden dibenarkan dan ditolak sebahagiannya seperti berikut:

(a) hukuman sebatan bagi kes BA-42JSKH(A)-1–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-3-11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-5–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-6–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-7–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-8–11 Tahun 2018 diketepikan;

(b) hukuman penjara lapan tahun bagi kes BA-42JSKH(A)-2–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada empat tahun penjara bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak bagi kedua-dua pertuduhan. Namun hukuman dua tahun penjara tambahan di bawah s 16 Akta yang sama serta dua sebatan dikekalkan bagi kedua-dua pertuduhan dan diperintahkan untuk dijalankan serentak;

(c) hukuman penjara enam tahun bagi kes BA-42JSKH(A)-4–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada empat tahun penjara bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak bagi kedua-dua pertuduhan. Namun hukuman dua tahun penjara tambahan di bawah s 16 Akta yang sama serta dua sebatan dikekalkan;

(d) bagi kedua-dua kes di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak, mahkamah ini mengenakan perintah tambahan di bawah s 26 Akta yang sama supaya perayu menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjaraan yang dijalani olehnya;

(e) semua hukuman penjara selama dua tahun setiap satu pertuduhan bagi enam pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan masing-masing dalam kes BA-42JSKH(A)-2–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-3–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-5–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-6–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-7–11 Tahun 2018 dan BA-42JSKH(A)-8–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada satu tahun dan diperintahkan untuk dijalankan secara berasingan; dan

(f) perayu juga diperintahkan untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama tempoh dua tahun di bawah s 27 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak selepas tamat tempoh pemenjaraan.

**[6]** Perayu dalam kes ini tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

FAKTA KES

**[7]** Saya telah merujuk kepada semua fakta kes yang dilampirkan dalam rekod rayuan dan menyimpulkan bahawa semua fakta kes adalah seakan serupa di mana kejadian berlaku di dalam Kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan Dato Maharajalela, Kuala Selangor.

**[8]** Perayu yang merupakan seorang guru bertugas di sekolah tersebut dalam setiap fakta telah menggunakan modus operandi yang sama di mana pelakuan

jenayah tersebut dilakukan di makmal komputer sekolah tersebut. Kecuali dalam dua keadaan di mana ianya dilakukan semasa program Kem Kepimpinan Pengawas dan Kem Perkhemahan Unit Beruniform di mana kedua-dua mangsa tersebut telah diajak tidur bersama perayu dan mengambil kesempatan dengan pelakuan jenayah ke atas mangsa-mangsa seperti dalam pertuduhan.

**[9]** Dalam semua kejadian, perayu boleh disimpulkan menggunakan kedudukannya sebagai guru di sekolah tersebut untuk mengambil kesempatan dengan meletakkan ketakutan ke atas mangsa-mangsa yang merupakan kanak-kanak bagi melakukan jenayah seksual ke atas mereka.

PENILAIAN MAHKAMAH

**[10]** Seksyen 316 Kanun Tatacara Jenayah telah menggariskan tanggungjawab dan kuasa mahkamah yang mendengar rayuan seperti berikut:

> 316 Decision on appeal
>
> *At the hearing of the appeal the judge may*, if he considers there is no sufficient ground for interfering, dismiss the appeal, or may —
>
> (b) in an appeal from a conviction or *in an appeal as to sentence* —
>
> (ii) alter the finding, *maintaining the sentence*, or with or without altering the finding *reduce or enhance the sentence or alter the nature of the sentence*; (Penekanan ditambah.)

**[11]** Dalam menilai dan membuat keputusan bagi kes ini, saya telah mengingatkan diri saya sendiri kepada prinsip rayuan yang sememangnya dipakai secara meluas dalam banyak kes-kes yang telah diputuskan. Antaranya dalam kes *Gek Sing a/l Kaliappan v Public Prosecutor* [1999] 6 MLJ 641; [1999] 4 CLJ 292 Vincent Ng, Hakim Mahkamah Tinggi (ketika itu) menyatakan:

> *In an appeal on sentence from the subordinate courts, the High Court will not interfere with the sentence imposed*, even if it felt that a higher or lower sentence would be more appropriate, *unless it can be shown to its satisfaction that in the circumstances of the particular case, the sentence was manifestly excessive or inadequate or that in fixing the consider all relevant factors, either for or against the offender* ... (Penekanan ditambah.)

**[12]** Saya juga merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Karthiselvam a/l Vengatan* [2009] MLJU 329; [2009] 4 CLJ 632 di mana Azhar Mohamed, Hakim Mahkamah Rayuan (ketika itu) pernah menyatakan seperti berikut:

> Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan.

A *Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu*. (Penekanan ditambah.)

B **[13]** Asas rayuan perayu dalam kes di hadapan saya adalah bahawa hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen ke atas perayu adalah terlampau berat tanpa mengambil kira faktor mitigasi yang telah dibentangkan di hadapan beliau.

C **[14]** Saya telah meneliti alasan penghakiman yang disediakan oleh hakim mahkamah sesyen dalam rekod rayuan dan mendapati bahawa beliau telah mengarahkan mindanya kepada pengakuan bersalah dan umur perayu. Beliau juga telah memperhalusi segala aspek berkaitan keseriusan kesalahan dan faktor mitigasi tertuduh.

D **[15]** Pada hemat saya, hukuman yang diberikan adalah mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, melihat kepada jumlah keseluruhan tempoh pemenjaraan yang dikenakan saya mendapati bahawa hakim mahkamah sesyen secara tidak langsung memerintah semua hukuman penjara dijalankan serentak yang hanya membawa kepada tempoh keseluruhan sepuluh tahun sahaja walaupun jelas sembilan jenis kesalahan telah dilakukan dalam sembilan transaksi yang berbeza ke atas mangsa-mangsa yang berlainan.

E

F **[16]** Sekiranya saya tidak mengusik keputusan hakim mahkamah sesyen tersebut, saya percaya walaupun tempoh pemenjaraan bagi setiap kesalahan itu dilihat seperti besar, namun secara kolektifnya seperti melakukan satu kesalahan sahaja iaitu di bawah s 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang di baca dengan s 16 Akta yang sama. Justeru, pada hemat saya adalah tidak wajar supaya hukuman penjara bagi kesalahan-kesalahan dipertuduhkan berjalan serentak. Dalam premis ini saya percaya bahawa hakim mahkamah sesyen telah tersalah arah dari segi prinsip hukuman dan keputusan beliau harus diusik oleh mahkamah ini.

G

H **[17]** Saya telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Muhammad Fauzi Abdul Razak & satu lagi* [2012] 5 CLJ 284 di mana Azahar Mohamed, hakim Mahkamah Rayuan (ketika itu) menzahirkan pandangannya berkaitan prinsip hukuman penjara yang berjalan secara serentak atau berturutan seperti berikut:

I Dalam hubungan ini, *kami berpendapat bahawa hukuman penjara secara serentak hanya wajar dikenakan sekiranya kedua-dua kesalahan itu mempunyai kaitan di antara satu sama lain, iaitu kesalahan kedua merupakan kesalahan subsidiari kepada kesalahan utama*. Umpamanya, A telah merompak B. Di dalam rompakan tersebut, A telah turut mengakibatkan kecederaan B. Kesalahan mengakibatkan kecederaan

merupakan subsidiari kepada kesalahan utama merompak. *Kedua-dua kesalahan turut berlaku dalam satu transaksi yang sama melibatkan mangsa, tempat dan masa yang sama. Dalam keadaan yang sedemikian, maka hukuman penjara secara serentak adalah wajar dikenakan oleh mahkamah melainkan wujud sebab-sebab yang tertentu sebaliknya*. Prinsip penghukuman ini dapat dilihat dalam kes *Ooi Sim Yim v Public Prosecutor* [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ Rep 223 di mana tertuduh telah mengaku bersalah di atas tuduhan memiliki senjata api di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (pertuduhan pertama) dan peluru di bawah Akta Senjata 1960 (pertuduhan kedua) ...

... *Berbalik kepada kes di hadapan kami, keadaannya adalah berbeza dengan kes Ooi Sim Yim v Public Prosecutor itu. Kedua-dua responden di sini telah didapati bersalah menyebabkan kematian dua orang mangsa yang berbeza di bawah s 304(a) KK dan ini adalah merupakan dua kesalahan jenayah yang berbeza. Pada pandangan kami, kedua-dua pertuduhan pindaan di dalam kes ini masing-masingnya merupakan kesalahan utama dan mana-mana satu daripada pertuduhan pindaan tersebut tidak boleh digo/ongkan atau pun dianggap sebagai kesalahan subsidiari*. Dalam keadaan yang sedemikian, hukuman penjara sepuluh tahun dari tarikh tangkap terhadap kedua-dua responden bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan kedua adalah wajar dan sesuai berjalan berturut-turut ...

... Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Shaik Daud H (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ Rep 645 sebagaimana yang berikut:

... Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. *It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a principal and a subsidiary offence. In all other cases, sentences should be made to run consecutively*.

*In the present case, the respondent had been convicted of committing two distinct offences of rape on two separate persons and in the light of that, a sentence of 3 years on each charge to be made concurrent is wrong in law*.

*Kes Yit Kean Hong v Public Prosecutor* [2005] 4 CLJ 592 juga menunjukkan prinsip penghukuman bahawa kesalahan yang berlainan mewajarkan hukuman penjara secara berturut-turut. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan mengatakan:

Similarly, in the present case, the two offences committed by the appellant were very serious indeed each punishable with imprisonment of up to 20 years. Like the case of Yap Huat Heng, supra, the present case also involved two distinct offences and two different victims. *On the facts, the second charge of attempted murder was not really subsidiary to the first charge of culpable homicide, although the two offences were committed in the course of a single transaction. The victims suffered two different types of injuries and the methods of inflicting them on the two victims were also different from each other. Even learned counsel for the appellant conceded before us that the facts against the appellant were bad*. (Penekanan ditambah.)

**[18]** Mengambil kira prinsip hukuman di atas dan merujuk kepada fakta kes dalam setiap pertuduhan dalam kes rayuan di hadapan saya adalah jelas bahawa perayu tidak layak mendapat hukuman penjara berjalan secara serentak di

dalam ke semua pertuduhan yang dia disabitkan.

**[19]** Seterusnya, saya juga mendapati bahawa enam hukuman ke atas perayu di bawah s 354 Kanun Keseksaan turut diikuti dengan satu sebatan. Dalam premis ini juga, pada hemat saya hakim mahkamah sesyen telah mengabaikan peruntukan di bawah s 289(C) Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan seperti berikut:

> No sentence of whipping shall be executed by instalments, and none of the following persons shall be punishable with whipping:
>
> (a) females;
>
> (b) males sentenced to death;
>
> (c) males whom the Court considers to be more than fifty years of age, except males sentenced to whipping under section 376, 377C, 377CA or 377E of the Penal Code.

**[20]** Pada hemat saya ini adalah satu kekhilafan di dalam keputusan hakim mahkamah sesyen yang mesti diperbetulkan. Peruntukan ini adalah jelas menghalang daripada hukuman sebat dikenakan ke atas perayu yang pada ketika kesalahan pertama dilakukan telah berumur 53 tahun.

**[21]** Keadaannya berbeza bagi hukuman rotan di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di mana s 25 Akta yang sama jelas menyatakan seperti berikut:

> Notwithstanding paragraph 289(c) of the Criminal Procedure Code, if a person convicted of any offence under this Act is a male whom the court considers to be more than fifty years of age, he may still be punishable with whipping.

**[22]** Tambahan lagi, saya juga mendapati bahawa hakim mahkamah sesyen telah mengabaikan peruntukan s 27 bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang mewajibkan perintah pengawasan polis terhadap pesalah yang disabitkan kesalahan di bawah Akta yang sama.

**[23]** Secara khusus sepertimana yang dinyatakan di atas, saya percaya keadaan ini melayakkan saya untuk menggunakan kuasa saya sebagai hakim yang mendengar rayuan untuk mengusik dan mengubah hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara. Saya teringat kepada satu keputusan Mahkamah Agong dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200; [1985] 1 LNS 25 apabila Abdul Hamid Ketua Hakim Negara (ketika itu) menyatakan:

> ... *it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances.* And the

mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence. (Penekanan ditambah.)

**[24]** Selain daripada itu, saya juga telah meneliti dengan berhati-hati dan memperhalusi rekod rayuan yang ada di hadapan saya ketika mendengar rayuan ini dan berpendapat bahawa faktor kepentingan perayu perlulah diimbangi dengan kepentingan awam dalam kes ini. Saya berpendapat hukuman ke atas perayu haruslah bersifat *punitive* mengambil kira latar belakangnya sebagai seorang guru.

**[25]** Adalah menjadi norma dalam masyarakat kita meletakkan guru kepada satu status yang tinggi sebagai warga pendidik dan saya percaya setiap ibu bapa sepatutnya merasa selamat apabila menyerahkan anak mereka kepada insan bergelar guru. Namun dalam kes ini, perayu telah bertindak mencemarkan kemuliaan profession guru dan kepercayaan yang diberikan kepadanya dengan kelakuan jenayah seksual ke atas anak muridnya sendiri dan pada hemat saya ini amatlah ditentang oleh masyarakat. Justeru hukuman berbentuk *punitive* wajar dikenakan ke atas perayu di dalam kes sebegini.

**[26]** Saya juga berpendapat bahawa hukuman yang dijatuhkan juga wajar bersifat *deterrent,* bukan sahaja kepada perayu daripada terus mengambil kesempatan ke atas anak muridnya, tetapi kepada seluruh masyarakat khususnya *potential offender* bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur terhadap perlakuan jenayah seksual terhadap kanak-kanak oleh sesiapa pun.

**[27]** Mengambil kira prinsip *rehabilitative* ke atas perayu, saya juga mengguna pakai peruntukan s 26 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak dengan memerintahkan supaya perayu menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjaraan yang dijalani olehnya.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

**[28]** Justeru, saya telah memerintahkan seperti berikut:

(a) hukuman sebatan bagi kes BA-42JSKH(A)-1–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-3–11 Tahun 2018, 42JSKH(A)-6–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-5–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-7–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-8–11 Tahun 2018 diketepikan;

(b) hukuman penjara lapan tahun bagi kes BA-42JSKH(A)-2–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada empat tahun penjara bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak bagi kedua-dua pertuduhan. Namun hukuman dua tahun penjara tambahan di bawah s

16 Akta yang sama serta dua sebatan dikekalkan bagi kedua-dua pertuduhan dan diperintahkan untuk dijalankan serentak;

(c) hukuman penjara enam tahun bagi kes BA-42JSKH(A)-4–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada empat tahun penjara bagi kesalahan di bawah s 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak bagi kedua-dua pertuduhan. Namun hukuman dua tahun penjara tambahan di bawah s 16 Akta yang sama serta dua sebatan dikekalkan;

(d) bagi kedua-dua kes di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak, mahkamah ini mengenakan perintah tambahan di bawah s 26 Akta yang sama supaya perayu menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjaraan yang dijalani olehnya;

(e) semua hukuman penjara selama dua tahun setiap satu pertuduhan bagi enam pertuduhan di bawah s 354 Kanun Keseksaan masing-masing dalam kes BA-42JSKH(A)-2–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-3–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-5–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-6–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-7–11 Tahun 2018, BA-42JSKH(A)-8–11 Tahun 2018 dikurangkan kepada satu tahun dan diperintahkan untuk dijalankan secara berasingan/berturutan dengan lain-lain hukuman pemenjaraan; dan

(f) perayu juga diperintahkan untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama tempoh dua tahun di bawah s 27 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak selepas tamat tempoh pemenjaraan.

Oleh itu jumlah hukuman sepenuhnya ke atas perayu adalah penjara selama 18 tahun dan 11 kali sebatan rotan selain daripada perintah kaunseling dan pengawasan.

*Rayuan sebahagian dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar